

Dalam Negeri

Hanya terbit 17,923 judul buku berbanding piawaian UNESCO 28,000 buku Industri penerbitan masih lemah

Oleh **NAWWAR ABDUL RAHIM**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 26 Sept. - Jumlah karya-karya kreatif dan penerbitan buku di negara ini perlu dipertingkatkan sejajar dengan usaha memacu Malaysia ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Timbalan Menteri Pendidikan II, P. Kamalanathan berkata, industri penulisan serta penerbitan buku di negara ini masih berada di tahap yang lemah dan agak membimbangkan.

"Mengikut piawaian antarabangsa Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), nisbah setiap sejuta penduduk negara maju harus mempunyai 1,000 penerbitan baharu setiap tahun, justeru Malaysia seharusnya menerbitkan 28,000 judul berdasarkan 28 juta penduduk di negara ini.

"Namun, statistik pendidikan pada 2012 menunjukkan Malaysia berada di tangga ke-23 dengan hanya 17,923 judul buku yang telah diterbitkan. Jumlah tersebut termasuk buku-buku yang diulang cetak, yakni jika dihitung kita hanya mempunyai lebih 10,000 buah sahaja penerbitan baharu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Prapelancongan Ekspo Buku Malaysia, Anugerah Buku Negara serta Persidangan Buku Antarabangsa anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) de-



P. KAMALANATHAN (tengah) bertanya sesuatu kepada **Hasan Hamzah** (dua dari kanan) selepas menyaksikan majlis menandatangani MoU antara Perpustakaan Kuala Lumpur dan Yayasan Pembangunan Buku Negara di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam.

ngan kerjasama The Oxford Centre for Leadership (Oxcell); Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Perpustakaan Kuala Lumpur di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi YPBN, Hasan Hamzah; Ketua Pegawai Eksekutif Oxcell Cawangan Kuala Lumpur, Dr. Faris Saiful Bah-

ri; Ketua Pegawai Eksekutif UniKL, Prof. Dr. Mazliham Mohd. Su'ud dan Pengerusi Persatuan Perpustakaan Kuala Lumpur, Datuk Seri Mat Shah

Safuan.

Dalam pada itu, Kamalanathan turut melahirkan rasa bangga dan menyokong penuh usahasama yang dilakukan YPBN untuk memajukan industri penerbitan di negara ini.

"Saya berharap kerjasama menerusi ketiga-tiga program yang akan bermula 11 Disember ini dapat menjadi medan pertemuan para pembaca, penulis dan penerbit untuk mengembang industri penerbitan serta memperbanyakkan lagi judul-judul baharu yang tidak hanya terhad kepada penerbitan buku-buku teks dan aktiviti untuk pelajar sekolah sahaja," ujarnya.

Sementara itu, Kamalanathan turut meminta sebarang pertikaian berhubung jumlah dana serta pihak terlibat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (PPPM) yang diumumkan Perdana Menteri baru-baru ini dihentikan.

"Lebih 20,000 rakyat termasuk pakar-pakar terbaik negara telah pun terlibat dalam penggubalan pelan tersebut. Bagi saya, lebih penting adalah usaha memperkasakan industri pendidikan untuk generasi masa hadapan kita.

"Oleh demikian, saya harap semua pihak dapat bekerjasama dengan kementerian untuk memastikan pelan ini berjaya dilaksanakan kepada semua lapisan masyarakat. Jika PPPM ini berjaya dilaksanakan, negara akan menjadi antara yang terbaik dalam industri pendidikan," ujarnya.